



# Nurul Hidayah lengkapkan sasaran emas AUG

Oleh [Syafiq Aznan](#) - Ogos 2, 2022 @ 5:19pm

[syafiq.aznan@bh.com.my](mailto:syafiq.aznan@bh.com.my)



Nurul Hidayah merangkul emas pertama buat kem taekwondo menerusi acara poomsae individu wanita di Kampus Ban Yang Noi. - Foto ihsan Kementerian Pengajian Tinggi

UBON RATCHATHANI: Pingat emas ke-35 yang ditunggu kontinjen negara pada temasya Sukan Universiti ASEAN (AUG) 2022 'timbul' menerusi acara taekwondo, sebentar tadi.

Kejayaan itu hadir menerusi Nurul Hidayah Abdul Karim yang merangkul emas pertama buat kem taekwondo menerusi acara poomsae individu wanita di Kampus Ban Yang Noi.

Pelajar Universiti Malaya (UM) itu menghimpun 8.383 mata untuk mengetepikan pencabar dari Thailand, Thunsinee Mookda yang meraih perak (8.350 mata), manakala gangsa untuk Ruhil Masri (Indonesia).

Ini menyaksikan kontinjen negara berjaya mencapai sasaran 35 emas diletakkan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) bagi edisi kali ini.

Nurul Hidayah mengakui dia sama sekali tidak memfokuskan mengenai 'cakap-cakap' berhubung pingat emas ke-35, sebaliknya hanya memberikan tumpuan untuk aksinya di atas gelanggang.

"Saya bersyukur kerana berjaya mendapatkan pingat emas ini pada penampilan pertama di pentas AUG.

"Malah, ini pingat emas pertama negara bagi taekwondo dalam temasya AUG.

"Sebenarnya saya tidak sangka boleh mendapatkan emas dalam acara poomsae individu ini kerana saya selalunya turun dalam acara campuran.

"Walaupun ada sedikit kecederaan ketika beraksi tadi, saya cuba untuk memberi aksi yang terbaik pada perlawanan ini," katanya.